V. VADIVEL atau ZAINUDDIN ABDULLAH

MAT HUSIN

ed Thani (kiri) dan peguamnya, Encik Abu Seman Yusof.

sukan surat: 3 lelaki la diri di mahkamah

PUR, lelaki emal- surat a da- n Per- JPM), nggil erha- oleh ah di

Haji Lam- esara, nmud- ng ju- Parit i dan Yasin, a dari

bersa- sukan ng ko- dari

JPM, sedangkan sebenarnya tidak ada surat seperti itu dikeluarkan oleh pejabat itu.

Mereka didakwa berniat menggunakan surat itu untuk mempengaruhi Pesuruhjaya Tinggi Australia supaya memberi sokongan kepada permohonan mendapatkan visa penuntut bagi R. Anandakumar.

Surat

Kesalahan itu dilakukan di Suruhajaya Tinggi Australia di sini pada 23 Februari 1982.

Vadivel dan Mat Husin juga menghadapi tuduhan kedua menggunakan memo yang tidak bertarikh yang kononnya ditandatangani oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu di No. 1014, Selangor Mansion, Jalan Masjid India, dalam bulan April 1982.

Haji Mohamed Thani dibela oleh peguam Encik Abu Seman bin Yusop. Vadivel dibela oleh Encik R. Rajasingam dan Mat Husin dibela oleh Encik Guru S. Johal.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwaraya, Gool Soon Seng. Perbicaraan dijalankan di hadapan Yang Di Pertua Mahkamah, Encik Kang Hwee Gee.

Dalam keterangan membela dirinya, Haji Mohamed Thani memberitahu mahkamah, Vadivel ada memberi kepadanya sepucuk surat dari Datuk Seri Dr Mahathir.

Surat itu, katanya, mempunyai logo dan nama Perdana Menteri di kepala surat dan tandatangan Perdana Menteri di bawah surat itu.

Ditanya tentang isi kandungan surat itu, perasa itu berkata, surat itu meminta dia bersabar dan jangan susah hati berhubung permohonan mendapatkan kawasan pembalakan.

Menurutnya, Vadivel ada memberitahu padanya bahawa Perdana Menteri meminta dia melihat sebidang tanah di Seberang Prai. Setelah menerima permintaan itu, dia pergi ke sana, katanya.

Sebelum itu, Mohamed Thani memberitahu mahkamah, dia kenal dengan Vadivel menerusi kawannya, Hasbullah Kamaruddin.

Kenal

Katanya, kawannya itu memberitahunya, dia mendapat kawasan pembalakan dengan bantuan Vadivel.

Apabila dia berjumpa dengan Vadivel, kata Haji Mohamed Thani, dia meminta Vadivel menolongnya mendapatkan kawasan pembalakan dan lesen kilang papan.

Vadivel memberitahunya, itu tidak susah kerana dia kenal dengan pembesar-pembesar seperti Datuk Seri Dr Mahathir, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Harun dan Tan Sri Hamzah Abu Samah.

Untuk tujuan itu, katanya, Vadivel meminta bayaran $13,000.

Oleh kerana dia tidak mempunyai wang sebanyak itu, Vadivel meminjamkannya $7,500 dari Tengku Razaleigh dan $2,000 dari seorang bernama Ganesan.

Perbicaraan bersambung esok.

Jika isu kebocoran diperbesarkan: Kemampuan sijil tempatan akan diragui

KUALA LUMPUR, Isnin — Bekas Dekan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ibrahim Saad menginginkan, sijil-sijil pelajaran di negara ini tidak akan diiktiraf di luar negeri jika perkara kebocoran soalan peperiksaan yang tidak benar diperbesarkan.

"Saya tidak percaya berlakunya kebocoran soalan dalam peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Apa yang berlaku sebenarnya hanyalah panduan yang biasanya dibuat tiap-tiap tahun kepada pelajar-pelajar," kata bekas Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Ibrahim Saad.

Beliau mensifatkan, soalan yang tepat keluar dalam peperiksaan itu tahun ini mungkin secara kebetulan.

"Kalau dikaji pada soalan-soalan yang keluar setiap tahun, mereka tentu boleh meneka soalan yang akan keluar," kata Dr Ibrahim yang pernah menjadi anggota gantian (altenate member) dalam Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM).

Katanya, ini kerana format soalan dalam silibus itu sukar untuk dibelitkan menyebabkan ia tidak dapat lari dari jangkaan yang dibuat.

Dr Ibrahim yang kini Setiausaha Politik kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim, berkata, adalah memalukan jika perkara itu diperbesar-besarkan kerana baru setahun MPM mengambil alih peperiksaan itu, berlaku gembar-gembur yang memburukkan imej sijil-sijil yang dikeluarkan oleh negara ini.

MPM mengambil alih pengendalian peperiksaan STPM/HSC dari University of Cambridge Local Examinations Syndicate, tahun lalu.

Beliau kesal perkara itu diperbesar-besarkan kerana ia hanya akan membuatkan sijil negara ini dipersoalkan oleh negara-negara lain.

Sebagai contoh, katanya, ada sijil yang dikeluarkan oleh negara tertentu yang tidak diiktiraf oleh banyak negara, termasuk Malaysia, kerana tidak yakin dengan peperiksaan yang mereka jalankan.

Beliau mencadangkan supaya pegawai-pegawai yang terbabit dalam membuat soalan dan memeriksa supaya tidak keluar berceramah kepada pelajar-pelajar.

Katanya, walaupun mereka tidak memberikan soalan-soalan yang tepat, tetapi pelajar-pelajar yang mengetahui bahawa mereka terbabit dalam urusan pengendalian peperiksaan itu, tentu dapat mengagak apa yang disampaikan kepada mereka.

Kes menipu Public Bank: Tiga orang dipanggil bela diri

KUALA LUMPUR, Isnin — Mahkamah Tengah hari ini menetapkan tiga orang yang dituduh dalam kes menipu Public Bank wang lebih $2.4 juta, supaya membela diri pada 7 Februari tahun depan.

Yang Dipertua Mahkamah, Datuk Sulaiman Hashim menetapkan demikian, berikutan keputusan Mahkamah Tinggi di sini pada 25 November lalu untuk memanggil ketiga-tiga tertuduh membela diri.

Sebelum ini, pada 30 Mac lalu, ketiga-tiga tertuduh dibebaskan oleh Mahkamah Tengah di sini dari tuduhan tanpa dipanggil membela diri.

Pada 31 Mei lalu, mahkamah yang sama juga menjatuhkan hukuman tiga tahun penjara ke atas dua lagi tertuduh dalam kes itu, Zainal Haji Ali, 39, dan Mohamad Razali Abdul Rahman, 44, setelah mendapati mereka bersalah atas tuduhan yang sama.

Shinichi Aoki, 49, seorang rakyat Jepun, Raymond Chia Kim Chwee, 39, dan Lee Pin Seng, 34, semuanya ahli perniagaan, dituduh menipu Public Bank wang sebanyak $2,410,615.45.

Mereka dituduh dengan niat bersama menipu dengan cara menyerahkan sembilan dokumen berupa sijil-sijil dagangan kepada bank itu yang menunjukkan 2,000 tan minyak kelapa sawit sudah dihantar ke Jepun melalui kapal Gracita.

Mereka didakwa menunjukkan kepada bank itu sepucuk surat kredit rasmi dari Dai ichi Kangyo Bank Tokyo yang menerima arahan dari General Company di sana supaya Public Bank menyerahkan wang itu kepada Utama Corporation.

Sijil-sijil itu diserahkan dengan tujuan membuat bank itu percaya bahawa minyak itu sudah dieksport ke Jepun sedangkan kapal yang dijanjikan itu tidak pernah tiba.

Kesalahan itu didakwa dilakukan antara 15 dan 16 Disember 1981, di Public Bank Berhad, Jalan Sulaiman di sini.

Aoki dibela oleh peguam Encik Ahmad Mosdeen, Raymond Chia dibela oleh Encik V. Balasingam, manakala Lee dibela oleh Encik G. Sri Ram.

Pendakwaan dijalankan oleh Peguam Kanan Persekutuan, Encik T.S. Sambathamurthi.

Lembaga Penilai nak siasat aduan langgar tatatertib

KUALA LUMPUR, Isnin — Lembaga Penilai dan Pentaksir akan menyiasat sebarang aduan mengenai mereka yang melanggar tatatertib di bawah Akta Penilai dan Pentaksir 1981.

Ketua Pengarah Jabatan Penilaian di Kementerian Kewangan, Encik R. Dass berkata, para penilai dan pentaksir yang didapati melanggar peraturan itu akan menghadapi hukuman berat.

Encik Dass, yang juga Presiden lembaga itu, berkata, firma-firma penilaian dan pentaksiran tidak harus menyaing sesama sendiri semata-semata untuk menunjukkan ia sebuah firma yang "besar" tanpa mempunyai tenaga manusia untuk mengurus cawangan-cawangannya dengan licin.

Encik Dass berkata demikian di perasmian kursus penilaian selama tiga hari untuk 25 orang pentaksir yang dianjurkan oleh lembaga itu, di sini.

Beliau juga menyatakan bahawa pada masa depan, semua firma yang mempunyai cawangan dikehendaki dikendalikan oleh para penilai yang berkelayakan dan mereka yang melanggar peraturan-peraturan itu akan menghadapi hukuman berat.

Kekalkan

Encik Dass juga menggesa para pentaksir supaya memperbaiki diri mereka untuk menyediakan perkhidmatan yang bermutu kepada para pelanggan mereka.

Beliau berkata, ini boleh mengekalkan para pelanggan mereka kerana persaingan hebat dari para penilai lulusan institut pengajaran dan sektor swasta yang kian bertambah.

Mengenai peperiksaan bagi para pentaksir untuk melayakkan diri sebagai penilai, Encik Dass berkata, lembaga itu sedang menimbang untuk mengadakan peperiksaan bagi satu-satu mata pelajaran supaya hak nilai para pentaksir boleh ditingkatkan bila mereka lulus peperiksaan itu. — Bernama

22 peratus Bumiputera h melabur dalam ASN

Hanya 22.2 pera-,549 orang Bumi- setakat ini telah Amanah Saham kata Menteri Pe-angan dan Pem-i, Datuk Haji Mo-ssoor.

, tidak ada sebab Bumiputera harus kerana ia terbukti guntungkan.

uga Pengerusi Ja-empen ASN Pe-berkata demikian kan kempen itu di kat di sini, sema-

u tidak faham si-adap skim itu wa-

laupun kerajaan bersusah-payah membantu mereka menikmati kekayaan negara.

Menerusi ASN, katanya, kerajaan berharap Bumiputera dapat menguasai sekurang-kurangnya 30 peratus ekonomi negara dan dengan itu menyumbang kepada kestabilan politik dan ekonomi.

Pengurus Wilayah ASN, Encik Hakim Suprawan berkata, hanya 3,300 orang atau 27.9 peratus saja daripada penduduk pribumi di Labuan telah melabur sehingga ini.

Beliau berkata, mulai tahun depan sijil penghargaan akan diberikan kepada pemimpin masyarakat yang berjaya, membantu meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ASN melalui usaha sendiri. — Bernama

Polis tahan 4 pemuda bawa senjata

KELANG, Isnin — Polis di sini menahan empat pemuda berusia antara 20 dan 25 tahun dekat Kompleks Membeli-Belah Kelang, kira-kira jam 10 malam kelmarin.

Dari mereka, polis menjumpai dua bilah parang panjang, sebilah pedang, sebilah parang pendek, sebatang kayu cota dan dua pemulas skru.

Timbalan Ketua Polis Daerah, Timbalan Penguasa Polis Raymond Teg Jew berkata hari ini, mereka ditahan kerana disyaki anggota kumpulan haram.

"Kempat-empat pemuda yang sedang bersiar itu menimbulkan syak anggota polis yang sedang menjalankan 'Operasi Banteras', lalu menahan dan memeriksa mereka.

"Bila diperiksa di dalam kereta, terdapat sebilah pedang, sebilah parang pendek, sebatang kayu cota dan dua pemulas skru," katanya.

Menurut Encik Raymond, kereta yang mereka gunakan juga disyaki dicuri kerana ia dilaporkan hilang dari Jalan Dang Wangi, Kuala Lumpur, 18 Ogos lalu.

Berikutan penyiasatan yang dijalankan, dua dari mereka telah membawa polis ke rumah masing-masing dan menjumpai dua bilah lagi parang panjang.

Mereka sedang ditahan untuk siasatan lanjut.

200 rumah untuk Sungai Merab

DENGKIL, Isnin — Kerajaan Negeri Selangor akan membina 200 unit rumah kos rendah di Kampung Sungai Merab Luar dekat sini, dengan belanja $2 juta, bulan depan.

Anggota Dewan Undangan Negeri Selangor Kawasan Dengkil, Encik T.M. Thurai berkata hari ini, keutamaan akan diberi kepada penduduk setempat dan kawasan sekitarnya membeli rumah-rumah itu.

Beruscap menutup rancangan anak angkat di Sekolah Sungai Merab Luar, beliau juga berkata, Kerajaan Negeri menguntukkan $200,000 untuk projek pertanian bagi daerah Sepang tahun depan.

Seramai 93 orang pelajar tahun akhir Institut Pertanian Malaysia (IPM), Serdang, menyertai rancangan anak angkat tiga hari itu di tiga buah kampung di mukim ini, dalam usaha membantu masyarakat luar bandar meningkatkan daya pengeluaran pertanian. — Bernama

Dua kes taun dilaporkan

KOTA KINABULU, Isnin — Dua kes dipercayai demam denggi, dilaporkan berlaku di Sabah minggu lalu, menjadikan jumlah keseluruhan 27 kes, termasuk satu kes yang menemui maut, sepanjang tahun ini.

Bagaimanapun, tidak ada kematian terbaru dilaporkan berlaku.

Dalam satu kenyataan hari ini, Perkhidmatan Perubatan Negeri menjelaskan, kes terbaru itu membabitkan seorang lelaki berumur 36 tahun dari Kem Kayu Balak Kerakmuak, Kinabatangan, dan seorang lelaki berumur 40 tahun dari Kilometer 14, Jalan Labuk, Sandakan.

Kedua-duanya telah dimasukkan ke Hospital Duchess Of Kent untuk diberi rawatan lanjut.

Perkhidmatan itu juga telah mengambil langkah-langkah ketat untuk mengawal penyakit itu di kawasan yang terlibat.

Orang ramai dinasihatkan supaya bekerjasama membersihkan keadaan sekeliling dan memasukkan ubat 'abate' dalam air bertakung untuk mencegah pembiakan nyamuk aedes. — Bernama

Hubungan erat seorang Perdana Menteri

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad (dua dari kanan) dikerumuni oleh golongan pekerja yang mewakili Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung Malaysia (MTSU), yang secara langsung membuktikan begitu rapatnya hubungan Perdana Menteri dengan semua pihak, ketika merasmikan persidangan dua tahun sekali ke-17 kesatuan itu, di Kuala Lumpur, semalam.

Setiausaha Agung MTSU, Encik A. Kagunathan (kanan) hanya melihat telah ahli-ahli kesatuannya yang tidak putus-putus menghulur tangan mengucapkan selamat kepada pemimpin mereka.

Gambar Berita Harian.

KURSUS MANDI MAYAT

PORT DICKSON, Isnin — Seramai 42 orang berlawanis menghadiri kursus mandi mayat dan menguruskan kematian di Masjid Jamek Pasir Panjang hari ini.

Kursus itu dirasmikan oleh isteri Menteri Besar, Datin Azizah Haji Tumin.

30,000 akan sertai perarakan Maulud

KUALA LUMPUR, Isnin — Lebih 30,000 umat Islam akan menyertai perarakan raksasa menyambut perayaan Maulud Nabi dari Stadium Merdeka ke Masjid Negara pada 17 Disember ini.

Perayaan tahun ini yang bertemakan 'Islam Ke Arah Hidup Bermaruah' diselenggarakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dengan bantuan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Jurucakap Kementerian Wilayah Persekutuan berkata, rancangan sambutan tahun ini tidak banyak berubah dari tahun-tahun lalu.

Bagaimanapun, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan syarahan-syarahan agama bagi memperingati perjuangan baginda Rasulullah akan diperbanyakkan di masjid-masjid dan surau-surau di sekitar ibu kota.

Seperti mana perayaan di masa lalu, perarakan akan diketuai oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, Raja Permaisuri Agong, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datin Seri Dr Siti Hasmah, para Menteri Kabinet yang beragama Islam, pembesar-pembesar negara dan wakil-wakil kedutaan asing yang beragama Islam.

Anggota pelbagai pertubuhan sukarela dan jabatan-jabatan kerajaan akan berhimpun di Stadium Merdeka mulai jam 7 pagi dan perarakan akan bermula pada jam 9 pagi.

Gerai Karyaneka Sabah-Sarawak belum dibuka

KOTA KINABALU, Isnin — Sabah dan Sarawak yang belum membuka gerai di pusat kraftangan Karyaneka di Kuala Lumpur, dijangka akan berbuat demikian menjelang Januari depan.

Sarawak dijangka akan membuka gerainya pada pertengahan bulan depan, manakala Sabah bersetuju membuka gerai itu untuk orang ramai mulai 1 Januari.

Butir-butir ini dinyatakan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar, Encik Tajol Rosli Ghazali, di sini, semalam.

Beliau yang memimpin Exco Majlis Belia Malaysia (MBM) telah membincangkan perkara itu dengan pegawai-pegawai berkenaan ketika melawat Sarawak dan Sabah.

Encik Tajol Rosli berkata, pihaknya telah meminta barang-barang hasil kraftangan yang mudah dijual dipasarkan di pusat Karyaneka itu.

Pejabat Pembangunan Negeri akan membeli terus barang-barang kraftangan daripada pembuat-pembuatnya di kampung-kampung untuk dipasarkan di Kuala Lumpur nanti, katanya.

Modal pusingan sebanyak $10,000 diberikan kepada setiap gerai, di samping peruntukan $1,500 untuk kerja-kerja ubah suai.

Kementerian juga menyediakan dua orang jurujual terlatih untuk setiap gerai itu, katanya. — Bernama.

PLAZA PENINSULA

pleks membeli belah baru di Seremban semua orang menceritakannya.

roperties Sdn. Bhd., 160 Jalan Tun Dr. Ismail (Jalan Templer) emban, Negeri Sembilan Tel: 06-714161/711722/717411